



Syeikh Uthman Taha

Penulis
Mushaf
al-Quran
Tersohor

Figura penulis mushaf al-Quran tersohor pada masa ini, Syeikh Uthman Taha terus mengabdikan dirinya lebih daripada 50 tahun untuk menulis kalam suci Allah SWT dengan pelbagai riwayat qiraat.

Nama sebenarnya ialah Uthman bin Abduh bin Hussain bin Taha al-Halabi. Beliau dilahirkan di sebuah kampung yang bernama Musammanah, Halab, Syria pada tahun 1934M/1352H, dan dibesarkan dalam sebuah keluarga yang sangat menitikberatkan tarbiah Islam. Bapanya, Syeikh Abduh Husin Taha merupakan imam dan khatib di kampungnya yang sangat aktif menulis buku agama. Hasil perkahwinan dengan Umm Marwan dan isteri kedua beliau (tidak diketahui namanya) yang dikahwini sejurus kematian isteri pertama telah dikurniakan tujuh orang anak yang semuanya berjaya dalam hidup masing-masing.

Pendidikan

Alam persekolahan Syeikh Uthman pada peringkat rendah dan menengah bermula di Kulliyah al-Khasrawiyah, Bandar Halab, Syria. Pada tahap pengajian tinggi pula, beliau berjaya diterima masuk ke Universiti Damsyiq dan berjaya meraih ijazah pertamanya pada tahun 1964M/1383H dalam bidang pengkhususan Syariah Islamiah. Setahun kemudian, beliau sekali lagi berjaya meraih diploma am daripada Fakulti Pendidikan di universiti yang sama. Beliau dikatakan turut berjaya meraih ijazah sarjana dan doktor falsafah daripada universiti yang sama.



Guru

Syeikh Uthman telah mendapat bimbingan dan pendedahan tentang ilmu seni khat daripada banyak guru, antaranya termasuklah ayahnya sendiri yang mahir menulis Khat Riq'ah dan guru khat di sekitar Halab seperti Muhammad Ali al-Maulawi, Muhammad al-Khatib, Husain Husni al-Turki, Abdul Jawwad al-Khattat dan Ibrahim al-Rifa'i.

Beliau juga telah mendapat bimbingan dan tunjuk ajar tentang seni penulisan khat daripada Syeikh Hamid al-Amidi yang mendapat gelaran Syeikh al-Khattatin. Pada tahun 1973, gurunya tersebut telah menganugerahkan ijazah khas kepada beliau sebagai pengiktirafan terhadap keindahan dan kecantikan tulisan khat yang dihasilkan oleh beliau. Syeikh Uthman turut mempelajari Khat Farisi dan Khat Tuluth daripada Muhammad Badwi al-Dirani di Damsyik pada tahun 1960 hingga tahun 1967. Selanjutnya, beliau juga banyak berlatih tentang selok-belok penulisan Khat Tuluth dan Khat Nasakh daripada Hashim al-Baghdadi, penulis khat dari Baghdad dan daripada Sami Burhan dan Naim Ismail tentang kemahiran penulisan khat dan seni hiasannya.

Banyak yang menyangka bahawa kecantikan dan keindahan seni khat beliau dalam mushaf al-Quran ialah hasil teknik penulisan komputer, bukan tulisan tangan. Ternyata, mushaf al-Quran yang telah sekian lama ada pada kita rupa-rupanya hasil tulisan tangan Syeikh Uthman Taha yang mendapat jolokan "pemilik jari-jemari emas"!

Syeikh Uthman dan Penulisan Mushaf

Walaupun figura besar ini telah begitu lama mengabdikan dirinya kepada seni khat penulisan al-Quran, namun banyak daripada kita yang tidak menyedarinya dan tidak pernah menanyakan siapakah penulisnya? Beliaulah orang yang bertanggungjawab menulis mushaf Madinah cetakan Kompleks Raja Fahd, Arab Saudi yang berwarna hijau dan beberapa edisi cetakan lain yang sering kali dibawa pulang oleh para jemaah haji atau umrah sejak sekian lama. Mushaf tersebut juga menjadi pilihan utama kebanyakan umat Islam termasuk di Malaysia.

Banyak yang menyangka bahawa kecantikan dan keindahan seni khat beliau dalam mushaf al-Quran ialah hasil teknik penulisan komputer, bukan tulisan tangan. Ternyata, mushaf al-Quran yang telah sekian lama ada pada kita rupa-rupanya hasil tulisan tangan Syeikh Uthman Taha yang mendapat jolokan "pemilik jari-jemari emas"! Mengimbas kembali kenangan kali pertama menulis al-Quran, Syeikh Uthman memberitahu bahawa beliau pernah menulis ayat 53 *Surah al-Nahl* dengan tulisan Khat Thuluth hanya menggunakan cat biasa!

Seusai umurnya 37 tahun pada tahun 1970, Syeikh Uthman berjaya merealisasikan impian dan harapannya selama ini untuk menghasilkan sebuah mushaf yang ditulis dengan tangannya sendiri. Mushaf tersebut telah dicetak oleh Dar al-Syamiah di bawah kelolaan Kementerian Waqaf Syria. Dengan penuh bangga, beliau menunjukkan naskah mushaf tersebut kepada ayahnya.

Apabila kompleks Percetakan al-Quran Raja al-Fahd, Madinah, Arab Saudi beroperasi secara

rasmi, pihak pengurusannya mahukan sebuah mushaf contoh dengan riwayat Hafs yang ditulis menggunakan Rasm Uthmani sepenuhnya serta tulisan khatnya jelas dan senang dibaca oleh semua orang. Dengan izin Allah SWT, setelah melihat dan meneliti mushaf yang telah ditulis oleh Uthman Taha, pihak pengurusan kompleks tersebut sangat tertarik dengan gaya penulisan dan khat yang dipraktikkan oleh beliau. Pada akhirnya, mushaf tulisan tangan Syeikh Uthman terpilih untuk dicetak semula dengan sedikit penambahbaikan.

Syeikh Uthman menjadi penulis mushaf al-Quran secara rasmi di pusat percetakan al-Quran terkenal tersebut pada tahun 1988 yang sekali gus tercapai cita-cita besar beliau sebelum ini untuk tinggal dan bekerja di tanah suci. Mushaf pertama yang ditulis oleh Syeikh Uthman ketika mula-mula menjalankan tugasnya di kompleks tersebut ialah mushaf al-Quran dengan bacaan riwayat Warsh untuk dihantar ke Maghribi. Beliau juga menulis banyak mushaf dengan pelbagai qiraat lain seperti mushaf riwayat Hafs, Qalun dan al-Duri. Mushaf yang ditulis dengan riwayat Hafs dan Warsh dilabelkan sebagai antara mushaf yang paling masyhur penggunaannya. Dianggarkan bahawa beliau telah berjaya menulis antara 13 buah hingga 14 buah mushaf Uthmani dengan pelbagai riwayat qiraat yang telah dicetak sebanyak ratusan juta naskhah.

Untuk menulis ayat suci al-Quran, Syeikh Uthman menggunakan tiga mata pena khas yang berbeza-beza saiznya. Saiz yang paling besar digunakan olehnya untuk menulis huruf, saiz sederhana untuk penandaan baris dan saiz yang paling kecil untuk penandaan hukum tajwid. Dakwat yang digunakan untuk menulis ayat al-Quran diimport khas dari England kerana dakwat tersebut mempunyai kilauan yang tersendiri jika ditulis. Mata pena berulang kali diisi dengan dakwat apabila beliau selesai menulis tiga halaman ayat al-Quran.

Menurut beliau, tempoh yang diambil untuk menyelesaikan penulisan sesebuah mushaf berbeza-



Syeikh Uthman Taha bersama-sama teks mushaf al-Quran yang dihasilkan olehnya.

beza mengikut riwayat bacaan yang digunakan.

Pada kebiasaannya, beliau boleh menyelesaikan penulisan sesebuah mushaf dalam tempoh tiga tahun dan paling lama selama empat tahun ketika beliau menyelesaikan penulisan mushaf riwayat Warsh. Kepakaran Syeikh Uthman Taha dalam ilmu seni khat dan penulisan mushaf al-Quran telah diiktiraf apabila pada tahun 1988, beliau dilantik sebagai hakim tetap dalam pertandingan penulisan khat Arab peringkat antarabangsa yang diadakan di Istanbul, Turkiye pada setiap tiga tahun sekali.

Ketika Menulis Kalam Ilahi

Syeikh Uthman menegaskan bahawa beliau tidak akan

menulis ayat al-Quran melainkan dalam keadaan berwuduk. Beliau menceritakan pernah berlaku pada suatu ketika, beliau tidak mampu menulis ayat al-Quran walaupun penanya berada dalam keadaan berdakwat! Setelah difikirkan, beliau teringat bahawa pada ketika itu, beliau berada dalam keadaan tidak berwuduk. Namun begitu, setelah beliau bangkit mengambil wuduk, tangan dan penanya mampu menulis ayat al-Quran seperti biasa.

Sering kali Syeikh Uthman berkata, "Setiap kali selesai penulisan mushaf, aku sangat teruja untuk menulis mushaf lain pula yang lebih indah daripada yang sebelumnya." Tambah beliau, menulis al-Quran merupakan suatu hal yang menakutkan dan amat sukar bagi sesiapa yang memahami hakikatnya. Dengan umur beliau yang telah pun mencecah 90 tahun, semangat beliau tidak pernah luntur untuk terus berbakti dalam dunia penulisan al-Quran. Kata beliau dengan penuh kesungguhan, "Setelah menulis mushaf al-Quran sebanyak lebih daripada 13 kali, saya ingin sekali mati bertemu dengan Allah Taala ketika sedang menulis al-Quran."

Saat keindahan nikmat yang beliau rasai adalah ketika jari-jemarinya mula "bermain-main" dengan ayat al-Quran. Ketika menulis ayat al-Quran, minda beliau tidak lagi memikirkan tentang dunia dan bebannya. Ujar beliau, "Menulis al-Quran amat menakjubkan.

Saya tidak peduli akan kepenatan. Kadangkala saya terus menulis sehingga keletihan dan terkadang ketika menulis, pena saya terjatuh dengan sendiri ke lantai.” Tambah beliau lagi, “Apabila menulis ayat al-Quran yang menceritakan tentang syurga dan nikmat, saya berasa cukup tenang dan tidak mahu surah itu berakhir. Namun begitu, apabila tiba ayat tentang neraka dan azab, tangan saya menggeletar. Saya juga berpeluh, sedangkan pada kebiasaannya tidak begitu.”

Menurut beliau juga, ayat al-Quran yang membicarakan tentang janji nikmat Allah SWT kepada hamba-Nya yang bertakwa ditulis oleh beliau secara perlahan-lahan. Sebaliknya, pada ayat yang menyentuh tentang azab dan seksaan, beliau cepat-cepat menyelesaikan penulisannya agar dapat “keluar” daripada situasi yang mengerikan dan tidak memberikan kesan terhadap keindahan mutu penulisan al-Quran.

Pendekatan Ketika Menulis Mushaf

Bagi Syeikh Uthman, prasyarat menjadi ahli kaligrafi mushaf al-Quran yang baik adalah dengan menghafal al-Quran, menguasai bahasa Arab, memahami makna ayat al-Quran, mempunyai persiapan dan keinginan serta pengetahuan yang baik tentang ajaran al-Quran. Seseorang ahli kaligrafi juga perlu memahami keindahan yang tersirat dalam ayat al-Quran pada setiap halamannya. Bagi memastikan agar beliau tidak diganggu ketika menulis ayat suci, pintu biliknya akan dikunci dengan sebaik-baiknya. Menurutnya, betapa tingginya fokus beliau ketika menulis al-Quran, bahkan sekiranya pencuri masuk untuk mencuri sekalipun tidak akan disedarinya.

Bagi Syeikh Uthman, terdapat lima asas utama bagi menghasilkan penulisan mushaf al-Quran yang bermutu, iaitu teknik pegangan yang tepat, asahan mata pena yang baik, kualiti kertas yang dipilih, kualiti dakwat dan kaedah pengawalan nafas. Dalam penulisan mushaf al-Quran dengan menggunakan Khat Nasakh, Syeikh Uthman menggunakan pendekatan menulis 15 baris ayat al-Quran pada setiap halaman, kecuali pada surah yang pada awalnya terdapat nama surah. Satu juzuk al-Quran ditulis sebanyak 20 halaman kecuali pada awal mushaf terdapat penambahan dua halaman dan juzuk yang terakhir. Satu halaman kadang-kadang ditulis dalam tempoh sehari atau dua hari dengan menggunakan kaedah Rasm Uthmani.

Setiap kalimah al-Quran ditulis dengan agak melebar serta ada ruang dan jarak yang munasabah

di antara satu kalimah dengan kalimah lain. Pada awal setiap halaman akan dimulakan dengan ayat yang baharu, dan ayat terakhir pada setiap halaman ditulis dengan lengkap (tidak berpindah ke halaman baharu). Proses pertama penulisan ayat al-Quran ditulis pada lembaran kertas yang berukuran 100 sentimeter x 70 sentimeter, manakala tanda kepala ayat tidak akan berada di awal halaman, bahkan diletak di hujung atau di tengah-tengah halaman.

Ketika mata pena Syeikh Uthman mula menulis kalimah suci al-Quran, terdapat lima tahap yang perlu beliau lalui. Tahap pertama, menulis teks al-Quran tanpa titik, baris, tanda dan nombor ayat. Tahap kedua ialah meletakkan titik huruf. Tahap selanjutnya meletakkan baris dan tanda yang dianggap kerja yang paling sukar dan payah bagi beliau sendiri dan semua ahli jawatankuasa yang menyemak dan mengesahkannya. Tahap keempat, beliau akan meletakkan tanda *waqaf* dan *ibtida'*, manakala tahap terakhir ialah proses meletakkan tanda ayat, *hizb*, *juzuk* dan ayat sajadah.

Pada setiap kali selesai setiap tahap penulisan tersebut, ahli jawatankuasa yang memiliki kepakaran akan menyemak, meneliti, mengesahkan dan memperakunya. Peralihan ke tahap seterusnya tidak dibenarkan sekiranya masih terdapat kesalahan dan tidak diperakukan. Sepanjang pengalaman Syeikh Uthman, menyusun penulisan ayat al-Quran yang pendek lebih sukar baginya berbanding dengan menyusun penulisan ayat yang panjang. Syeikh Uthman berkata, “Semoga mereka (yang membaca al-Quran tulisan saya) mendoakan agar Allah memberikan kesihatan pancaindera supaya dapat saya meneruskan pekerjaan ini.”

Syeikh Uthman pernah mendapat anugerah 500 tokoh berpengaruh di dunia pada tahun 2019. Pada tahun 2021, Kerajaan Arab Saudi dengan perkenan Raja Salman bin Abdul Aziz, telah menganugerahi Syeikh Uthman kerakyatan negara tersebut sebagai penghargaan terhadap segala jasa beliau yang besar.

Jasa Syeikh Uthman Taha yang sangat besar dalam penulisan mushaf al-Quran merupakan pengorbanan yang tidak terbalas. Sewajarnya beliau diangkat sebagai seorang tokoh yang menjadi idola dan inspirasi oleh semua, terutamanya golongan muda bagi meneruskan agenda mengekalkan martabat penulisan al-Quran. ۞